

CNS8300

U GB 28-08 00207 BB701

aab

Mahathir - Arqam

KERAJAAN AKAN TERUS DEDAH PENYELEWENGAN ASHAARI, KATA PM

GENTING HIGHLANDS, 28 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan terus mendedahkan segala penyelewengan yang dilakukan oleh pemimpin Al-Arqam, Ashaari Muhammad, di samping mengenakan tindakan undang-undang terhadapnya jika beliau masih enggan menghentikan ajaran sesat yang dikembangkannya, kata Perdana Menteri hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Ashaari akan disoalsiasat oleh polis jika beliau kembali ke negara ini bagi mengetahui sama ada pemimpin kumpulan itu mahu meneruskan atau menghentikan ajarannya yang bertentangan dengan ajaran Islam.

"Kalau dia masih juga mahu cuba mengembangkan kepercayaan bahawa dia ada sifat-sifat Tuhan dan dia biasa bercakap dengan Nabi, kita akan dedahkan semua ini dan akan mengambil tindakan mengikut peraturan dan undang-undang negara," katanya ketika ditanya pemberita selepas menyaksikan Pesta Sukan Berkuda Merdeka ketiga di Awana Horse Ranch, di sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri ditanya mengenai tindakan selanjutnya daripada kerajaan berikutan adanya tanda-tanda bahawa pengikut Al-Arqam enggan mematuhi keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang mengharamkan kumpulan itu dan semua kegiatannya.

Katanya, kerajaan memerlukan lebih banyak masa untuk memulihkan kembali pengikut kumpulan itu kerana memang sukar untuk menukar kepercayaan seseorang apabila ia melibatkan soal agama. -- Lagi.

▼28/08/20-36MST

CNS8303

R GB 28-08 00133 BB702

aab

Mahathir - Arqam 2 Genting Highlands

Dalam hal ini, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus memberi penerangan kepada pengikut kumpulan itu mengenai penyelewengan yang dilakukan Ashaari supaya mereka sedar dan kembali ke pangkal jalan.

Katanya, kerajaan juga akan menerangkan kepada rakyat yang tidak terbabit dengan kumpulan itu mengenai sebab tindakan diambil terhadap pengikut Al-Arqam supaya mereka tidak mudah dikelirukan oleh golongan tertentu.

"Kita tidak hendak rakyat sangka bahawa kita sengaja hendak menekan kumpulan dakwah kerana sudahpun ada orang yang sengaja pergi ke kampung-kampung menceritakan bahawa kerajaan hendak menghalang perkembangan dakwah Islamiah," katanya.

Katanya, dakwaan itu adalah tidak benar sama sekali kerana apa yang sedang cuba dilakukan kerajaan sekarang adalah untuk membendung ajaran sesat yang dibawa Ashaari daripada terus berkembang. -- Lagi.

▼28/08/20-45MST

CNS8304

U GB 28-08 00120 EB703

aab

Mahathir - Arqam 3 (Akhir) Genting Highlands

Sementara itu, di ALOR SETAR, polis menahan lima lelaki pengikut Al-Arqam, awal pagi tadi.

Ketua Daerah Polis Kota Setar, Penolong Pesuruhjaya Bazari Yunus berkata mereka yang berumur antara 25 dan 40 tahun itu ditahan dalam satu sekatan jalan raya di Alor Janggus, kira-kira pukul tiga pagi.

Katanya, ketika ditahan, mereka berada di dalam sebuah kereta yang sedang menuju ke arah Alor Setar.

Kelima-lima lelaki itu kini ditahan di balai polis di sini. Bazari enggan mengulas lebih lanjut mengenai penahanan itu.

Bagaimanapun, adalah difahamkan polis menjumpai risalah dan beberapa barang keluaran Al-Arqam di dalam kereta itu. -- Bernama.

AH AZ.

▼28/08/20-48MST